



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

INISIATIF MEDAC DALAM MEMBANTU USAHAWAN PKS UNTUK MELONJAKKAN PERNIAGAAN MELALUI PLATFORM E-DAGANG

1. MEDAC telah mengadakan perjumpaan bersama syarikat/operator pasaran atas talian (e-commerce) untuk mewujudkan ikatan kolaborasi, kerjasama dan sokongan dalam usaha membantu usahawan dan koperasi untuk meningkatkan keupayaan perniagaan di sektor peniaga/penjaja kecil, mikro dan informal tempatan, secara atas talian.
2. Seramai 13 orang wakil syarikat-syarikat utama e-dagang yang beroperasi di Malaysia telah hadir di dalam sesi perbincangan yang telah diadakan.
3. Berdasarkan statistik pihak Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), sektor e-dagang negara telah menyumbang sebanyak RM127 billion daripada keseluruhan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019. Sektor ini telah juga menunjukkan trend peningkatan dari segi prestasinya, berbanding tahun 2015, yang mencatatkan RM89 billion.
4. Menyedari akan kemajuan prestasi dan potensi di sektor e-dagang (perniagaan digital atau atas talian), di dalam menyebar-luas serta mengembangkan pasaran komuniti usahawan dan koperasi tempatan, MEDAC berhasrat membantu usahawan dalam memperkasakan perniagaan atas talian .

5. MEDAC amat prihatin terhadap impak dan kesan penularan COVID-19 ke atas usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perusahaan mikro dan koperasi serta golongan usahawan berstatus informal. Platform e-commerce yang bakal dilaksanakan ini diharap memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi usahawan PKS dan mikro, antaranya:
- i. memperluas akses usahawan kepada RM150 juta dana sumber pembiayaan alternatif;
 - ii. membantu usahawan PKS dan Mikro tempatan yang terkesan ekoran daripada wabak COVID-19 dan PKP, untuk bangkit semula memulakan perniagaan; dan
 - iii. membantu usahawan PKS dan mikro tempatan yang ditawarkan Geran SME Corp. seperti BEEP, untuk memulakan projek sebagai 'bridging fund'.

Sebarang maklumat lanjut boleh layari portal rasmi MEDAC www.medac.gov.my atau hubungi talian 1-300-88-1020.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
24 NOVEMBER 2020